

17/03/1999

Apabila Internet disalahgunakan

SALAH guna terhadap Internet walaupun belum sampai ke tahap membimbangkan, perlu diberikan perhatian serius. Kini, seolah-olah sudah wujud satu rangka rujuk dalam masyarakat kita bahawa dengan melayari multimedia itu, pelbagai perkara yang kononnya cuba disembunyikan, dapat diketahui ramai. Internet menjadi medan untuk memburukkan siapa saja yang tidak disukai sama ada pemimpin, tokoh terkemuka, ahli korporat, mahu pun orang perseorangan.

Menerusi penghantaran e-mail dan laman web yang dicipta sendiri oleh pengguna, pelbagai cacian dan tohmahan disebar. Penghantarnya boleh menggunakan nama samaran manakala daripada mana sumber itu dihantar sukar dikesan. Internet yang diterima di seluruh dunia kini menggantikan surat layang yang penyebarannya sebelum ini agak terhad.

Artis kita juga ditelanjangi menerusi Internet. Tahun lalu, beberapa halaman web lucu ciptaan rakyat Malaysia dikesan memaparkan gambar bogel dan seksi artis tempatan. Gambar itu menggunakan muka artis tempatan yang disambung kepada tubuh bogel orang lain menggunakan teknik superimpose (bertindih). Terbaru, gambar lucu dan hubungan seks dua penyanyi dua kumpulan yang begitu popular tersebar luas.

Sebagai rakyat yang kuat mempertahankan nilai ketimuran, sememangnya kita kecewa tindakan mereka yang memperalatkan Internet untuk melakukan perbuatan itu bagi menjatuhkan imej seseorang. Jelas, semua itu dibuat oleh mereka yang memang berniat jahat. Ia mencerminkan betapa rendahnya maruah dan moral mereka yang menyebarkan tohmahan itu. Golongan itu melihat teknokogi multimedia bukan lagi untuk kebaikan sejagat sebaliknya bagi memuaskan hati dan nafsu mereka sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin turut melahirkan rasa kecewa sesetengah golongan rakyat yang tidak memanfaatkan kebaikan Internet. Tindakan mereka itu akan menggambarkan rakyat Malaysia hanya tahu menggunakan sesuatu teknologi baru untuk tujuan yang buruk saja.

Kerajaan sememang tidak bertolak-ansur menangani gejala ini. Malah kerajaan dan pemimpin kita juga tidak terlepas dicaci dan difitnah menerusi Internet. Umum mengetahui ada segelintir rakyat kita di luar negara yang menyalahgunakannya bagi menyalurkan berita palsu mengenai kerajaan bagi tujuan menghasut. Mereka juga menggunakan pelbagai teknik memadamkan wajah tokoh atau pemimpin tertentu dengan gambar yang boleh menjatuhkan imej seseorang.

Kita berharap dengan ada kes yang dihadapkan ke mahkamah kerana menyebarkan berita yang boleh menjejaskan ketenteraman negara menerusi Internet, akan menyedarkan ramai pihak mengapa perbuatan itu perlu dibanteras. Penggubalan Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1997 menunjukkan kepekaan kerajaan untuk menyekat kegiatan tidak bermoral itu terus mempengaruhi rakyat yang hanya memerlukan maklumat membina untuk memajukan negara.

Di sebalik pelbagai kesan negatif menerusi Internet yang terpaksa dirasakan rakyat, kita wajar menolak sepenuhnya teknologi itu kerana ia adalah satu jaringan maklumat bersifat global. Dengan sistem canggih yang digunakan, usaha menghalang semua elemen negatif di Internet daripada sampai kepada rakyat adalah sesuatu yang hampir mustahil. Internet harus dilihat mampu membawa bersamanya kebaikan walaupun ada keburukan yang tidak sesuai dengan norma hidup masyarakat Timur dan Islam. Maklumat yang tidak diingini seperti berita palsu dan kenyataan fitnah dan hasutan juga